



SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-9

Bali • Indonesia • 7-8 Oktober 2003

MASSA 11-17.10.2003

Daripada ZULKIFLI HAMZAH Di Bali

JARANG sekali seorang ketua kerajaan sebuah negara ASEAN berpeluang mengucapkan selamat tinggal dan seterusnya diberi penghormatan khusus dalam satu majlis besar yang mengumpulkan pemimpin-pemimpin Asia Tenggara.

Peluang itu diperoleh oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-9 di Bali yang menyaksikan beliau menjadi tumpuan bukan sahaja daripada para ketua kerajaan dan delegasi tetapi juga media.

Lebih bermakna, Dr. Mahathir meninggalkan ASEAN dalam suasana beliau disanjung dan dihormati atas pengorbanan serta perjuangannya memartabatkan ASEAN sebagai organisasi paling berjaya di dunia.

Dr. Mahathir yang pertama kali menghadiri sidang kemuncak ASEAN sebagai ketua kerajaan pada tahun 1987 merupakan pemimpin paling senior dalam barisan kepimpinan ASEAN sekarang.

Beliau dianggap negarawan ASEAN yang selama ini telah mewarnai pertumbuhan itu walaupun dengan rendah diri. Dr. Mahathir menyatakan bahawa ASEAN merupakan kepimpinan bersama dan tidak ada pemimpin 'yang lebih atau kurang daripada yang lain'.

Mengikut rekod, peluang seumpama itu pernah diperoleh Presiden Filipina, Corazon Aquino tetapi tentulah menurut para diplomat, kehilangan Dr. Mahathir yang merupakan tokoh berkeperibadian kuat dan mewarnai forum-forum ASEAN sangat dirasai.

Pada hari pertama ketibaannya, Sidang

Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN (BIS) seperti tidak mahu melepaskan peluang untuk 'memaksa' Perdana Menteri hadir pada majlis perpisahan yang mereka anjurkan.

Para delegasi BIS tidak mahu berganjak dari dewan persidangan selagi Dr. Mahathir yang diketahui mempunyai jadual padat, sehingga sukar mendapatkan waktu turut bersama-sama mereka.

Tetapi akhirnya Perdana Menteri memenuhi hajat mereka dan diberi kesempatan memberikan amanat mengenai pentingnya hubungan baik antara kerajaan dan sektor swasta dalam pembangunan sesebuah negara.

Kemuncak majlis penghormatan kepada Dr. Mahathir ialah semasa 10 ketua kerajaan ASEAN menandatangani deklarasi Bali Concord II yang disusuli dengan acara khas, Tribute To Dr. Mahathir.

Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri yang sebelum ini jarang menunjukkan emosinya sebab beberapa kali dan memanggil Dr. Mahathir sebagai 'Bapak', panggilan yang menunjukkan satu kesmesraan dan penghormatan.

"Sidang Kemuncak ASEAN yang mencatat sejarah ini tidak berlaku begitu sahaja tanpa unsur yang menyedihkan kerana ini adalah sidang kemuncak yang mendapat penghormatan berikutan kehadiran

Penghormatan ASEAN Kepada Mahathir

Di penghujung pemerintahan Dr. Mahathir, ASEAN sudah bersatu dengan semua negara Asia Tenggara menjadi anggota pertumbuhan serantau yang berjaya itu. Dr. Mahathir bersara sebagai negarawan ulung ASEAN